

09/03/2003

Bandar Dalam Taman ceriakan Putrajaya

Zainuddin Ayip

PUSAT pentadbiran kerajaan Persekutuan di Putrajaya yang berkonsepkan 'Bandar Dalam Taman' bukan saja memiliki bangunan canggih dan kemudahan infrastruktur, malah dihiasi taman menarik yang dikira boleh melapangkan fikiran dan menyejukkan mata memandangi.

Bandar raya bestari itu menyediakan banyak taman rekreasi yang sesuai untuk seisi keluarga berehat pada hujung minggu atau cuti umum selain untuk tujuan penyelidikan. Malah ibu bapa juga boleh memberi pengalaman baru kepada anak mereka mengenali nama, jangka hayat dan cara menanam pokok bunga dan tumbuh-tumbuhan.

Alangkah seronoknya berkunjung bersama keluarga ke Taman Botani Putrajaya untuk melihat tumbuh-tumbuhan luar biasa seperti pokok pisang yang jantungnya mendongak selain melihat beraneka pokok palma dan bunga yang bertukar warna setiap hari.

Selain melihat bunga kertas, bunga raya dan orkid pelbagai warna, penduduk Lembah Klang dan seluruh negara tidak harus melepaskan peluang melihat dan menikmati pelbagai jenis tumbuhan yang sesetengahnya tidak pernah dilihat seumur hidup.

Taman yang dibuka kepada orang ramai sejak 31 Ogos 2001 dan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 4 Februari lalu, mempunyai kira-kira 700 spesies tumbuhan tropika dari lebih 90 negara.

Spesies yang ditanam di sini bukan saja sukar ditemui di tempat lain dan berbentuk ganjil seperti Musa Ornata, pokok pisang yang jantungnya mendongak. Lebih menarik, landskap taman ini turut dibangunkan mengikut reka bentuk asal muka bumi dan tumbuh-tumbuhan pula berasal dari Afrika, Amerika Tropika dan Asia Pasifik.

Ada spesies berperanan sebagai penentu masa dengan bertindak balas berbeza-beza mengikut masa seperti pokok Brunfelsia. Warna bunganya bertukar setiap hari, hari pertama berwarna ungu dan bertukar merah jambu pada hari kedua dan menjadi putih pada hari ketiga sehingga ia diberi nama 'Semalam, Hari Ini dan Esok'.

Taman Botani Putrajaya turut menyediakan sebuah Pusat Interaktif bagi membolehkan pengunjung mengenali alam tumbuhan dengan menggunakan teknologi terkini dalam suasana menyeronokkan, sekali gus menjadi daya penarik terutama di kalangan murid sekolah dan penuntut universiti.

Taman yang merangkumi kawasan seluas 90 hektar, dibangunkan secara berperingkat bermula dengan fasa pertama di kawasan seluas kira-kira 25 hektar. Fasa kedua dan ketiga akan dibangunkan secara berperingkat termasuk menanam pokok buah-buahan, tanaman herba dan tapak semaian.

Fasa pertama yang sudah dibuka kepada orang ramai merangkumi empat zon iaitu Laluan Jelajah, Bukit Palma, Taman Suria, Taman Flora dan Pesisiran Tasik, selain bangunan pusat pelawat yang berbentuk kereta lembu.

Pengembaraan di Taman Botani Putrajaya yang dianggarkan mengambil masa kira-kira dua jam, akan memberikan pengetahuan dan pengalaman baru kepada pengunjung selepas melepasi setiap bahagian.

Bermula dengan Laluan Jelajah, pengunjung akan disajikan kehijauan tumbuh-tumbuhan apabila merentasi puncak pokok ketika melalui Titian Kanopi sejauh 170 meter pada ketinggian 10 meter dan seterusnya menyusuri Denai Heliconia yang mempunyai 122 jenis heliconia seperti pokok pisang, Calathea, Marantha dan Ravenala. Selepas itu, pengunjung dapat melihat keindahan pokok pepanjat beraneka jenis di atas pergola seperti spesies Duchthman Pipe, di mana bunganya seolah-olah batang paip atau berbentuk

seperti burung kenyalang.

Pengunjung juga boleh berehat seketika di kafe di Taman Papanjat. Sebaik menyambung pengembaraan, kira-kira 50 spesies palma menyambut kedatangan pengunjung di Bukit Palma.

Palma mempunyai ciri bentuk tersendiri dan salah satu daripada keluarga pokok yang terbesar di kawasan tropika seperti palma daun payung, palma kipas Cina dan rotan.

Sambil menyaksikan keindahan dan kesegaran pokok, pengunjung akan terpesona dengan keunikan landskap di Taman Flora yang menyediakan koleksi tanaman dari serata dunia, di mana bentuk muka bumi disesuaikan dengan asal usul tumbuhan berkenaan.

Koleksi Tanaman Afrika mempamerkan tumbuhan berasal dari negara di benua itu. Ada spesies dibawa ke Malaysia sebelum zaman penjajah lagi. Antara pokok yang boleh ditemui ialah semarak api dan plumbago.

Koleksi Tanaman Amerika Tropika pula mempamerkan pokok Amerika Tropika dan kebanyakan spesies diperkenalkan di rantau ini oleh orang Portugis dan Sepanyol pada abad ke-16, antaranya pokok Bunga Merak yang juga dikenali sebagai Pride of Barbados dan pokok Kemboja.

Beberapa jenis pokok yang biasa ditemui di kawasan Asia Pasifik boleh dilihat di Koleksi Tanaman Asia Pasifik, antaranya pokok Ara dan Beringin, Ru, Pinang Raja dan Bunga Tapak Kuda. Pengunjung juga boleh berjalan di bawah naungan tanaman Bunga Kertas di Terowong Bunga Kertas.

Taman Suria pula menyediakan Sigai Seri dan Laluan Orkid kepada pengunjung. Yang paling menarik di sini ialah pengunjung boleh mengetahui waktu tanpa melihat jam dengan menggunakan jam suria, iaitu sebuah mercu tanda berbentuk obelisk - melambangkan kepentingan hubungan masa depan dengan alam tumbuh-tumbuhan.

Selepas melalui Laluan Orkid dan Sigai Seri, pengunjung dapat melihat koleksi siantan dan bunga raya beraneka warna di Pesisiran Tasik.

Pengunjung seterusnya akan melepasi Laluan Pandanus yang penuh dengan keunikan tersendiri seperti pokok pandan berdaun panjang, meruncing, berduri, manakala batangnya berakar panjang.

Ini diikuti Laluan Kana yang mempamerkan pokok Kana atau bunga tasbih dari Amerika. Kana yang ada di sini adalah hibrid yang menghasilkan bunga besar dan berwarna-warni. Sebelum menamatkan pengembaraan, pengunjung akan melalui Taman Paku Pakis yang mengingatkan kembali mereka kepada zaman silam.

Sepanjang menimba pengalaman baru di Taman Botani, pengunjung disediakan pelbagai kemudahan seperti kafeteria, tandas, tempat untuk bergambar, telefon serta kedai cenderamata. Pihak pengurusan taman juga menyediakan perkhidmatan fasilitator dan pemandu pelancong yang dikenakan bayaran.

Sebenarnya, selain Taman Botani, tidak jauh dari pintu utama di kawasan kompleks kerajaan, taman lain turut menjadi tumpuan pengunjung ke Putrajaya seperti Taman Putra Perdana.

Selain menjadi antara kawasan hijau utama, keistimewaan taman berkenaan yang terletak di puncak tertinggi di Presint 1 ialah ia menempatkan mercu tanda Putrajaya.

Taman yang dikelilingi Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah itu berperanan sebagai pemangkin kepada kawasan semula jadi di utara serta kawasan pentadbiran dan komersial di selatan dan timur.

Lokasi taman berkenaan yang tinggi di pusat pentadbiran berkenaan menjadikannya antara tempat terbaik untuk menikmati pemandangan sekitar Putrajaya.

Antara tarikan dan kemudahan yang disediakan di taman berkenaan ialah struktur Mercu Tanda Putrajaya, Plaza Masuk, Taman Berteres, Plaza Bertingkat, Perdana Mall, Taman Wangian serta Gazebo dan wakaf.

Kemudahan untuk pengunjung juga disediakan. Antaranya tempat rehat yang

selesa untuk seisi keluarga termasuk kerusi dan meja yang banyak serta kemudahan telefon awam. Bagi yang gemar berjoging, turut disediakan kawasan siar kaki yang begitu selesa sambil menikmati udara segar dan melihat pemandangan menarik.

Kawasan taman berkenaan juga banyak ditanam dengan pelbagai spesies pokok disertakan maklumat bagi tujuan pembelajaran untuk keluarga.